

15 JUN 2001

DR MAHATHIR AKAN RASMI KONGRES TAHUNAN UPKO

KOTA KINABALU, 15 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Sabah bulan depan dan dijadual merasmikan kongres tahunan ketujuh Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah.

Presiden UPKO Tan Sri Bernard Dompok berkata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, telah bersetuju untuk merasmikan kongres itu yang akan diadakan pada 24 Julai, hari pertama kongres yang dijadualkan selama tiga hari itu.

"Kami rasa gembira Perdana Menteri telah sekali lagi bersetuju untuk merasmikan kongres kami," kata Dompok, sebagaimana yang dipetik dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh unit penerangan UPKO di sini hari ini.

"Kongres tahun ini, yang merupakan tahun bagi pemilihan parti, sepatutnya diadakan pada Ogos tetapi kami telah bersetuju mengadakannya pada bulan depan. Semua bahagian telah diberitahu mengenainya dan persiapan sedang rancak dilakukan," katanya.

Menurut Setiausaha Eksekutif UPKO, Datuk Alex Martin, kemungkinan besar tidak ada pertandingan bagi jawatan Presiden, yang dipegang oleh Dompok dan jawatan Timbalan Presiden yang dipegang oleh bekas Timbalan Ketua Menteri Datuk Wilfred Bumburing.

Bagi tujuan mengadakan kongres itu semua bahagian parti itu dikehendaki menyelesaikan mesyuarat masing-masing menjelang 8 Julai, kata Martin dalam kenyataan yang sama.

-- BERNAMA

JS NMO